

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL  
TAMAN  
(MAJLIS DAERAH MARAN) 2009

Phg. P.U. 15

**Phg. P.U. 15.**

**AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976**

**UNDANG-UNDANG KECIL TAMAN (MAJLIS DAERAH MARAN) 2009**

**SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL**

Undang-  
undang  
Kecil

1. Nama, pemakaian dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran
3. Kesalahan-kesalahan
4. Kemasukan anjing atau binatang
5. Menjerat atau membunuh binatang dan burung adalah dilarang
6. Kenderaan motor atau kenderaan dilarang
7. Meletak kenderaan motor atau kenderaan sembarang dilarang
8. Kuasa untuk menghalau
9. Penutupan taman
10. Penalti

**AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976**

**UNDANG-UNDANG KECIL TAMAN (MAJLIS DAERAH MARAN) 2009**

PADA menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 102 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171], Majlis Daerah Maran membuat dan menurut seksyen 103 Akta tersebut Pihak Berkuasa Negeri Pahang dengan ini mengesahkan, Undang-Undang Kecil yang berikut:

**Nama, pemakaian dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Undang-Undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Taman (Majlis Daerah Maran) 2009**.

(2) Undang-Undang Kecil ini hanya terpakai bagi kawasan Majlis Daerah Maran.

(3) Undang-Undang Kecil ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh disiarkan dalam *Warta*.

**Tafsiran**

2. Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain—

“Majlis” ertinya Majlis Daerah Maran;

“kenderaan motor” ertinya kenderaan daripada apa-apa perihalan, yang didorongi oleh jentera mekanisme yang terkandung di dalam badan kenderaan itu dan dibina atau disesuaikan supaya dapat digunakan di atas jalan dan air;

“kenderaan” ertinya suatu struktur yang boleh bergerak atau digerakkan atau digunakan bagi membawa mana-mana orang atau benda dan yang bersentuhan dengan permukaan bumi apabila bergerak atau yang bersentuhan dengan permukaan air;

“struktur” ertinya apa-apa rumah, pondok, bangsal, gerai, pagar, jeti, jambatan, perkakas tempat permainan kanak-kanak, papan tanda, khemah, warung, meja, tiang, tiang sandar, tempat berteduh, kepungan beratap atau apa-apa sambungan atau apa-apa binaan lain dari apa-apa juau bahan;

“taman” termasuklah kawasan lapang, medan pejalan kaki, kebun bunga, zoo atau mini zoo, kawasan rekreasi atau hiburan taman permainan kanak-kanak, padang permainan, bulatan, batasan tengah sepanjang jalan, sisian jalan, jalan rezab, tempat perhentian, tasik, anak sungai, tebing sungai, pantai atau mana-mana perkarangan yang disenggara oleh Majlis bagi tujuan awam atau di bawah bidang kuasa Majlis.

**Kesalahan-kesalahan**

3. Seseorang yang di dalam sesuatu taman yang —
  - (a) mengalih atau merosakkan apa-apa papan tanda, papan notis, notis atau Undang-Undang Kecil yang dipamerkan di dalamnya;
  - (b) membawa bersama-sama atau menampalkan atau menegakkan apa-apa bil, pelekat, notis, panji-panji, sepanduk atau iklan pada atau di atas sesuatu tembok, pokok, pagar atau struktur;
  - (c) menggunakan apa-apa pelaung, penguat suara, sistem siaraya atau lampu-lampu;
  - (d) mengalih, memindah, merosakkan atau mencacatkan mana-mana tempat duduk, perkakas tempat permainan kanak-kanak atau lain-lain peralatan;
  - (e) menempatkan, melonggok atau membuang atau menyebabkan atau memberar ditempatkan, dilonggokkan atau dibuangkan apa-apa debu, habuk, abu kertas, bangkai binatang, sampah, kotak, tong, bungkus atau lain-lain artikel atau menjatuhkan, menumpahkan, atau menabur apa-apa habuk, pasir, tanah, batu kelikir, tanah gembur, batu, rumput, jerami, sisa ketaman, habuk papan, sampah di kebun bunga, sampah di kandang kuda, sampah perdagangan, baja, sampah-sarap, atau apa-apa benda atau bahan lain daripada kereta yang bergerak atau tidak bergerak atau dengan apa-apa cara lain atau membuang, meninggalkan apa-apa botol, gelas, tin, pembalut makanan, sisa-sisa makanan, sisa binaan atau apa-apa artikel atau barang-barang lain;
  - (f) memanjat mana-mana tembok, pagar, struktur atau pokok;
  - (g) menunggang atau memandu kenderaan atau kenderaan motor di atas mana-mana rumput atau lorong kaki melainkan di tempat atau kawasan yang dibenarkan oleh Majlis;
  - (h) berjalan di atas batas bunga atau pokok-pokok renek;
  - (i) memotong, mengalih, merosak atau memusnahkan mana-mana bunga, tempat duduk, tumbuh-tumbuhan atau pokok-pokok;
  - (j) mengalih mana-mana rumput atau mengorek mana-mana tanah;
  - (k) melontar atau membuang apa-apa batu atau lain-lain pelontar di dalam mana-mana, tasik atau anak sungai;
  - (l) mandi di dalam mana-mana tasik atau anak sungai kecuali di suatu tempat mandi yang ditetapkan oleh Majlis bagi maksud itu;
  - (m) mengalir atau menyebabkan dialir apa-apa benda buangan atau cecair buangan daripada mana-mana premis ke dalam tasik atau anak sungai (dalam taman) dan yang boleh mencemar atau mungkin mencemarkan tasik atau anak sungai itu;
  - (n) menggunakan sampan, atau apa sahaja yang seumpamanya bagi tujuan memancing, menjala, menangkap atau memusnahkan hidupan air di dalam mana-mana tasik atau anak sungai kecuali dengan kebenaran bertulis Majlis atau menganggu dengan apa-apa cara aliran air daripada mana-mana tasik yang melimpahi alur air;

- (o) memasang api atau membakar bunga api atau mercun atau menembak tanpa kebenaran yang sah apa-apa senjata api atau senapang angin tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada Majlis terlebih dahulu;
- (p) bermain layang-layang atau apa-apa permainan bola kecuali di tempat yang diperuntukkan dengan nyata bagi permainan itu;
- (q) berumur lebih daripada 12 tahun, menggunakan apa-apa perkakas tempat permainan kanak-kanak;
- (r) membasuh atau mengeringkan sesuatu atau menepuk apa-apa permaidani, tikar atau apa-apa jenis kain baju;
- (s) menegakkan apa-apa struktur tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada Majlis;
- (t) mendedah untuk jualan atau menjual apa-apa barang, benda atau makanan atau minuman kecuali di tempat-tempat di dalamnya dan pada suatu masa yang diluluskan oleh Majlis;
- (u) bersyarah atau menyampaikan apa-apa ucapan umum atau berkumpul di dalam taman bagi maksud mengadakan atau mengambil bahagian dalam apa-apa mesyuarat agama, politik atau apa-apa mesyuarat lain atau mengadakan sesuatu tunjuk perasaan tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada Majlis;
- (v) menghalang mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Majlis dalam menjalankan tugas-tugasnya; atau
- (w) terlibat dalam menjaga atau membasuh mana-mana kenderaan motor tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada Majlis;
- (x) memancing, menjala, menangkap apa-apa hidupan dalam air dari benteng, tebing, tebing sungai atau siar kaki tasik kecuali dengan kebenaran bertulis daripada Majlis;
- (y) memerangkap, menangkap, mendera, membunuh, memberi makan atau mengganggu mana-mana binatang kepunyaan Majlis atau yang di bawah penjagaan dan kawalan Majlis adalah melakukan kesalahan.

#### **Kemasukan anjing atau binatang**

4. (1) Tiada seorang pun boleh menyebabkan atau membiarkan mana-mana anjing atau binatang lain kepunyaannya atau di dalam jagaannya ke dalam sesuatu taman.

(2) Jika suatu notis telah ditampalkan oleh Majlis melarang kemasukan anjing mana-mana anjing kepunyaannya atau yang di dalam jagaannya masuk atau berada di dalam taman itu, tiada seorang pun boleh menyebabkan atau membiarkan mana-mana anjing atau binatang lain kepunyaannya atau di dalam jagaannya masuk atau dibiarkan ke dalam sesuatu taman.

**Menjerat atau membunuh binatang dan burung dilarang**

5. Tiada seorang pun boleh menjerat atau membunuh mana-mana binatang atau burung di dalam sesuatu taman atau memiliki apa-apa alat untuk menjerat binatang atau burung. Mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Majlis atau pegawai polis boleh menyita alat daripada mana-mana orang yang didapati berada dalam taman itu.

**Kenderaan motor atau kenderaan dilarang**

6. Tiada kenderaan motor atau kenderaan boleh memasuki sesuatu taman tanpa kebenaran bertulis daripada Majlis.

**Meletak kenderaan motor atau kenderaan sembarang dilarang**

7. Tiada kenderaan atau kenderaan motor boleh diletak di mana-mana tempat dalam sesuatu taman kecuali di suatu tempat yang disediakan untuk meletak kenderaan atau kenderaan motor itu.

**Kuasa untuk menghalau**

8. (1) Mana-mana orang yang melakukan apa-apa perbuatan yang menyalahi mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini boleh diperintah keluar dari sesuatu taman oleh Majlis atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis olehnya atau pegawai polis dan boleh tidak dibenarkan masuk kemudiannya.

(2) Mana-mana orang yang enggan mematuhi perintah di bawah perenggan (1) boleh diusir keluar dari taman itu dengan menggunakan kekerasan yang berpatutan.

**Penutupan taman**

9. Majlis boleh menutup sesuatu taman atau mana-mana bahagian daripadanya pada bila-bila masa.

**Penalti**

10. Mana-mana orang bertindak menyalahi mana-mana daripada peruntukan Undang-Undang Kecil ini adalah melakukan kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak lebih daripada dua ribu ringgit atau penjara untuk tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya dan dalam kes yang melibatkan kesalahan yang berterusan, sejumlah wang tidak lebih daripada dua ratus ringgit bagi setiap hari bermula dari hari disabitkan di mana kesalahan itu berterusan.

Bertarikh 6 Februari 2009  
[MDM/U/103]

DATO' HAJAH MARIAM BINTI ISMAIL  
*Yang Dipertua*  
*Majlis Daerah Maran*

Bertarikh 13 Mac 2009

HAMDAN BIN HUSSIN  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Pahang*